



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH

IRSYAD AL-HUKMI

PANDANGAN HUKUM MENGENAI RUJU' SECARA PERBUATAN

1. Islam mensyariatkan ruju' untuk memberi peluang kepada hambanya memperbaiki kembali ikatan dan tujuan perkahwinan. Hal ini dijelaskan oleh Allah ﷻ dalam al Quran;

وَالْمُطَلَّاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَنْ يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ اللَّهُ فِي أَرْحَامِهِنَّ إِنْ كُنَّ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيُعْلِنْنَ لَهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا ۗ وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (daripada berkahwin) selama tiga kali quru' (suci daripada haidh). Mereka tidak boleh menyembunyikan (tidak memberi tahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. **Suami-suami mereka pula berhak untuk merujuk (mengambil kembali) akan isteri-isteri itu dalam masa iddah mereka jika suami-suami bertujuan hendak berdamai; dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (menurut syara'). Dalam pada itu, orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat melebihi mereka (isteri-isteri itu). (Ingatlah) Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.***

2. Berdasarkan ayat di atas, Syarak turut memberi hak kepada suami untuk meruju' isterinya dalam tempoh iddah. Bagaimanapun, ulama' berbeza

pandangan dalam menghuraikan perihal ruju' iaitu dengan perkataan atau perbuatan.

3. Menurut pandangan mazhab as-Syafie (menjadi amalan serta perundangan di negeri Kedah) telah menetapkan bahawa ruju' hanya sah dengan lafaz, bukan dengan perbuatan.
4. Oleh itu, mana-mana suami melakukan persetubuhan dengan isterinya yang telah diceraikan dengan talak raji'e dan masih di dalam tempoh iddah maka persetubuhan itu **tidak dianggap ruju'**.
5. Perkara ini disebut dengan jelas dalam kitab Fiqh Mazhab as Syafie antaranya;

ثم شرع في الركن الثاني وهو الصيغة في انقسامها إلى صريح وكناية، فقال: (وتحصل) الرجعة من ناطق (بِرَجْعَتِكَ / وَرَجَعْتُكَ / وَارْتَجَعْتُكَ) وهذه الثلاثة صريحة لشيوعها وورود الأخبار بها²..

“Kemudian dijelaskan rukun yang kedua iaitu *sighah* dan pembahagiannya dua iaitu “*sighah sorihah*” dan “*sighah kinayah*”. Dan terhasil ruju' daripada orang yang berkata (رَجَعْتُكَ / رَجَعْتُكَ / وَارْتَجَعْتُكَ): contoh dengan; “aku merujuk kepada engkau”. Ini merupakan tiga lafaz yang soreh yang digunakan secara meluas dan terdapat dalam hadis.”

لا تحصل الرجعة بإنكار الزوج طلاقها لعدم دلالة عليها، ولا (بفعل كوطء) ومقدماته، وإن نوى بذلك الرجعة.....

“Dan tidak berlaku ruju' jika suami mengingkari talak ke atas isterinya kerana tidak ada petunjuk ruju' tersebut. Demikian juga tidak berlaku ruju' (dengan perbuatan seperti persetubuhan) dan muqaddimahnya. Sekalipun dengan perbuatan ini dia meniatkan sebagai ruju'.”

6. Sementara Imam al Allamah Abi Bakr bin Muhammad al Husainy dalam kitab Kifayatul Akhyar menyatakan:

يشترط أن تكون الرجعة بالقول الصريح للقادر لأن الرجعة استباحة بضع مقصود فلم تصح بغير القول كالنكاح، ولا تصح بالوطء والفبلة والمباشرة بشهوة...³

Maksudnya; “Disyaratkan **ruju'** dengan perkataan yang jelas (soreh) bagi orang yang berkemampuan kerana kembali **ruju'** itu sebenarnya adalah membolehkan kemaluan perempuan yang dimaksudkan, oleh sebab itu tidak sah **ruju'** (dengan perbuatan) melainkan daripada ucapan (lafaz) seperti nikah dan kembali

² الإمام الخطيب الشربيني؛ مغني المحتاج، ج.3، (كتاب الرجعة) ص 440 – 441.

³ امام العلامة ابي بكر بن محمد الحسيني، كفاية الأختيار.

(ruju') tidak sah hanya dengan bersentuhan, mencium dan mengadakan hubungan syahwat.”

7. Merujuk persoalan yang dikemukakan, Jabatan ini mendapati perceraian pasangan berkenaan berlaku ketika si isteri sedang hamil dan tempoh iddah akan berakhir dengan kelahiran janin yang dikandung (وضع الحمل) isteri berkenaan.
8. Pada 28 September 2020, telah berlaku persetubuhan antara pasangan tersebut sedangkan isterinya masih dalam keadaan hamil (masih dalam tempoh iddah). Walaupun terdapat perbincangan antara keduanya untuk meruju' kembali sebagai pasangan suami isteri yang sah, namun lafaz ruju' yang jelas (صريح) tidak diucap oleh pihak suami.
9. Manakala bagi kes kedua; pasangan ini telah bercerai pada 10 Oktober 2020 dalam keadaan isteri berada dalam **haid** dan iddah isteri tamat apabila datang **haid** yang keempat. Oleh itu, persetubuhan pada 24 Disember 2020 berlaku ketika isteri masih dalam tempoh iddah iaitu dalam suci yang ketiga.
10. Merujuk pandangan ulama' mazhab Syafie, kedua-dua kes di atas adalah ruju' dengan perbuatan (persetubuhan) dan tidak sah ruju' berkenaan kerana tidak disertai lafaz ruju' yang jelas.
11. Bagaimanapun, Jabatan ini berpandangan atas masalah kepada pasangan – pasangan berkenaan (khusus untuk kedua-dua kes ini sahaja) maka sah ruju' tersebut dengan bersetubuh walaupun tanpa niat untuk ruju' dengan mengambil pandangan Said Bin Al-Musayyab dan Hassan Al Basri dan Ibn Siriin dan Al-Awzaie dan Ibn Abi Laila dan Abu Hanifah ϕ dan para sahabatnya dan sebahagian sahabat Imam Ahmad;

تَصِحُّ الرَّجْعَةُ بِالْوُطْءِ، سِوَاءَ نَوَى بِهِ الرَّجْعَةَ أَوْ لَمْ يَنْوِ⁴

Maksudnya: *Sah ruju' dengan sebab bersetubuh samada bersetubuh itu niat untuk rujuk atau tidak niat.*
12. Berdasarkan kes-kes di atas, jabatan ini mengesyorkan pemohon dapat memberi kefahaman kepada pasangan-pasangan khususnya dalam Daerah Langkawi supaya lebih berhati-hati dalam isu ruju' kerana Mazhab Syafie hanya mengiktiraf ruju' dengan lafaz sahaja.

TARIKH KEPUTUSAN : 2 MEI 2021